PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PERBANKAN

Sistem perbankan kekal kukuh dengan tahap permodalan yang tinggi dan keuntungan yang bertambah baik pada suku pertama tahun 2005. Pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan terus menurun pada suku tersebut, seterusnya memperkukuh kedudukan kewangan sistem perbankan.

Permodalan kekal kukuh

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan kekal kukuh masing-masing pada tahap 13.7% dan 10.8%, walaupun kedua-dua nisbah tersebut adalah rendah sedikit. Penurunan RWCR disebabkan terutamanya oleh kesan daripada modal asas yang lebih rendah (-RM1.1 bilion atau -1.4%) dan aset berwajaran risiko yang lebih tinggi (+RM13.5 bilion atau +2.4%). Modal asas yang lebih rendah disebabkan oleh pelaburan yang lebih tinggi dalam anak syarikat dan agihan semula keuntungan kepada pemegang saham oleh beberapa institusi perbankan pada suku pertama, sementara aktiviti pemberian pinjaman yang lebih tinggi menyebabkan peningkatan dalam aset berwajaran risiko.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2003	2004				2005
	S4	S1	S2	S3	S4	S1
Modal						
CCR (%)	11.1	11.0	11.7	11.4	11.2	10.8
RWCR (%)	13.8	13.7	14.3	13.9	14.2	13.7

Keuntungan bertambah baik berikutan perbelanjaan yang lebih rendah

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat sebanyak RM0.3 bilion (+12.2%) kepada RM3 bilion pada suku pertama tahun 2005. Prestasi yang lebih kukuh ini dicapai berikutan penurunan yang nyata dalam peruntukan hutang lapuk dan ragu (-50%) dan perbelanjaan operasi (-5.5%), yang lebih daripada mengimbangi penurunan yang kecil dalam pendapatan faedah bersih (-2.7%) dan pendapatan berasaskan fi (-1.9%). Ini menyebabkan kenaikan yang ketara dalam keuntungan operasi kasar selepas ditolak peruntukan hutang lapuk dan ragu kepada RM2.2 bilion (+71.7%) pada suku tersebut. Pulangan tahunan atas aset purata dan ekuiti masing-masing meningkat kepada 1.4% dan 16.8% (S4 2004: 1.3% dan 14.9%).

NPL terus menurun

NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun sebanyak 4.7% pada suku pertama kepada RM27.3 bilion, justeru

Sistem Perbankan: Pinjaman tidak Berbayar



menyebabkan nisbah NPL menurun kepada 5.4% daripada jumlah pinjaman bersih (S4 2004: 5.8%). Penurunan tersebut disebabkan terutamanya oleh pengkelasan pinjaman sebagai NPL yang lebih rendah serta penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman yang lebih banyak pada suku tersebut. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan mencatat peningkatan yang kecil sebanyak 0.1% kepada RM36.8 bilion atau 7.3% daripada jumlah pinjaman bersih (S4 2004: 7.5%).